



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Putrajaya – Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama International Water Ski Federation (IWSF) akan menganjurkan siri kejohanan luncur air dunia, Putrajaya Waterski World Cup 2009. Kejohanan ini bakal berlangsung pada 6 – 8 November 2009 di Kompleks Sukan Air, Presint 6, Putrajaya.

Pada tahun ini, Malaysia akan menjadi tuan rumah pusingan ketiga Kejohanan IWSF Waterski and Wakeboard World Cup 2009. Pertandingan luncur air dunia 2009 bermula dengan pusingan pertama di Dubna, Russia diikuti dengan Liuzhou, China; Putrajaya, Malaysia dan diakhiri dengan pusingan keempat di Doha, Qatar.


Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Samsudin Osman, "Seramai 60 orang peluncur terbaik dunia, lelaki dan wanita dari 18 buah negara akan bertanding dalam kejohanan ini, antaranya Argentina, Canada, Columbia, Great Britain, Perancis, New Zealand, Belarus dan Amerika Syarikat. Mereka adalah merupakan peluncur yang berada dalam kedudukan 20 ranking terbaik dunia dan akan mengambil bahagian dalam tiga disiplin utama yang dipertandingkan iaitu *Slalom*, *Shortboard (Tricks)* dan *Jump*. Juara dunia acara *Jump* lelaki 2008,

Freddy Krueger dari Amerika Syarikat dan juara dunia acara *Slalom* wanita 2008, Clementine Lucine dari Perancis telah membuat pengesahan untuk mengambil bahagian pada kejohanan di Putrajaya nanti," ujarnya lagi.

Putrajaya kekal menjadi *hos venue* pada tahun ini kerana mempunyai sebuah kompleks sukan air yang lengkap dan bertaraf dunia serta mempunyai pusat maritim dan hotel bertaraf lima bintang iaitu Hotel Pullman Putrajaya Lakeside.

Pada tahun ini Perbadanan Putrajaya mensasarkan lebih 20,000 orang penonton daripada seluruh negara serta pelancong asing akan hadir menyaksikan kejohanan sukan air ini berbanding 15,000 penonton pada tahun lalu. Kejohanan ini turut mendapat sokongan dan kerjasama dari Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Pelancongan Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Tn. Hj. Zamri Timbalan Pengarah Perkhidmatan Komuniti PPj (Emel: zamrie@ppj.gov.my) atau wakil IWSF Malaysia, Hanifah Yoong. Emel: hanifah@waterski.com.my



(ZAHARAH SALAMAT)
Timbalan Pengarah Perhubungan Awam
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 8 Oktober 2009

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013